



PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA  
The King's Scout Brotherhood of Malaysia

---

**SURAT PEKELILING MAJLIS PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

Semua Ahli Majlis Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia  
Pengerusi-Pengerusi Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri

**KELULUSAN UNDANG-UNDANG KECIL PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan, mengenai kelulusan serta pemakaian Undang-Undang Kecil (UUK) Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia (PPRM) yang telah diluluskan oleh Majlis Eksekutif Pengakap Negara (MEPN) pada 16 Disember 2017.

**LATAR BELAKANG**

2. Draf UUK PPRM yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PPRM pada 23 Oktober 2016 telah dibentangkan dalam mesyuarat MEPN oleh Majlis PPRM pada 20 Mei 2017 dan MEPN mengarahkan supaya draf UUK PPRM dihalusi semula dan dipinda dan hendaklah diluluskan oleh Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negara (MPPN) sebelum dibentangkan untuk kelulusan di peringkat MEPN.
3. Draf UUK PPRM telah dibentangkan dalam mesyuarat MPPN pada 9 Disember 2017 dan telah diluluskan dengan pindaan oleh MPPN. Majlis PPRM seterusnya membentangkan draf UUK PPRM di peringkat MEPN pada 16 Disember 2017 dan telah diluluskan dengan pindaan.

**SURAT PENGESAHAN KELULUSAN UUK PPRM DAN UUK PPRM**

4. Sesalinan Surat Pengesahan Kelulusan UUK PPRM dan UUK PPRM telah dilampirkan bersama-sama dengan surat pekeling ini.

**PPRM/SP/01-2018**

**TARIKH KUATKUASA**

5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh UUK PPRM mula berkuat kuasa iaitu pada 16 Disember 2017.


**PEMAKAIAN**

6. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan UUK PPRM, UUK PPRM adalah terpakai bagi setiap anggota Majlis PPRM dan Majlis PPRM Negeri serta hendaklah termasuk ahli-ahli PPRM.

**PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, semua draf UUK PPRM yang digunakan sebelum 15 Disember 2017 adalah dibatalkan.

Yang menjalankan tugas,



**GORDON KOH HONG KIAN**  
Pengerusi  
Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia

25 Januari 2018



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**  
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

(Diperbadankan di bawah Akta Parlimen NO. 409 Tahun 1968 / Law of Malaysia Act 409 1968)

Ruj. Kami : PPM-2(37)/2018  
Tarikh : 22 Januari 2018

Setiausaha Kehormat  
Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia

Tuan,

**KELULUSAN UNDANG-UNDANG KECIL PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA**

Adalah dengan hormatnya sukacita saya memaklumkan mengenai perkara diatas bahawa Majlis Eksekutif Pengakap Negara (MEPN) yang bersidang pada 16 Disember 2017 telah **meluluskan** Undang-Undang Kecil Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia (UUK PPRM) setelah draft UUK PPRM telah dipinda atas arahan Majlis Eksekutif Pengakap Negara yang bersidang pada 20 Mei 2017 dan Majlis Ketua Pesuruhjaya Negara yang bersidang pada 9 Disember 2017.

2. Bersama-sama ini disertakan satu Salinan Asal Undang-Undang Kecil Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia. UUK PPRM adalah undang-undang berdaftar bagi Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia tuan. Oleh itu, PPRM hendaklah ditadbirkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang kecil tersebut.

3. Sila ambil perhatian bahawa sebarang pindaan kepada undang-undang berdaftar PPRM tuan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Majlis Eksekutif Pengakap Negara seperti yang ditetapkan dalam Dasar, Pertubuhan, dan Peraturan (POR) Persekutuan Pengakap Malaysia.

Sekian disampaikan dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”**

Yang menjalankan tugas  
Persekutuan Pengakap Malaysia

**(DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH)**  
Setiausaha Majlis Pengakap Negara



## PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA

---

*Undang-Undang Kecil Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia*

---

DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH  
SETIAUSAHA  
MAJLIS PENGAKAP NEGARA



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**  
Rumah B-P, Jln Hang Jebat,  
50150 Kuala Lumpur, Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL  
PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA

---

*Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Semakan 2016), maka dengan ini Majlis Pengakap Negara Malaysia membuat peraturan-peraturan seperti berikut :-*

1. PENUBUHAN

- 1.1. PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA (SELEPAS INI DISEBUT 'PPRM') ditubuhkan dengan ber-ibu pejabat di Rumah B-P, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia.
- 1.2. Peraturan ini terpakai bagi semua anggota Majlis PPRM dan Majlis PPRM Negeri serta hendaklah termasuk ahli-ahli PPRM yang berdaftar melalui PPRM Negeri.

2. TUJUAN PENUBUHAN

- 2.1. PPRM ditubuhkan dengan tujuan:
  - 2.1.1. Memelihara serta menyemarakkan Semangat Kepengakapan di kalangan Pengakap Raja dan Pengakap di semua Peringkat;
  - 2.1.2. Meninggikan taraf pencapaian Pengakap di semua peringkat dari segi pengetahuan, kemahiran dan perkhidmatan kemasyarakatan dengan daya upaya yang telah diperolehi melalui Pengakapan;
  - 2.1.3. Menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara di dalam sebarang bidang yang terdaya sesuai dengan prinsip dan dasar Kepengakapan;
  - 2.1.4. Membantu Persekutuan Pengakap Malaysia (selepas ini disebut "PPM") peringkat Daerah/Negeri/Negara di dalam menjalankan pentadbiran dan aktiviti;
  - 2.1.5. Menjalankan tugas-tugas lain selaras dengan objektif penubuhan PPM.

\*Kesemua tujuan di atas adalah untuk pembangunan PPRM dan melahirkan lebih ramai ahli Pengakap Raja di Malaysia.

- 2.2. Tujuan penubuhan PPRM akan dilaksanakan melalui tiga aspek utama seperti berikut:

2.2.1. RANGKAIAN PERSAHABATAN

Rangkaian ini diwujudkan bagi memupuk jalinan Persahabatan antara ahli-ahli di mana setiap ahli mendapat manfaat secara tidak langsung daripada rangkaian persahabatan.

Rangkaian ini akan dimajukan ke peringkat kumpulan, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa melalui persahabatan pengakap.

2.2.2. SUMBANGAN, PENAJAAN, DAN KHIDMAT KEPADA PPM DAERAH/NEGERI NEGARA

Menghulurkan bantuan sama ada dari segi kewangan, sumber, kepakaran dan nasihat bagi mendorong perkembangan Kepengakapan di Malaysia untuk



melahirkan lebih ramai Pengakap Raja di peringkat kumpulan, daerah, negeri dan negara.

### 2.2.3. KHIDMAT MASYARAKAT

Menjalankan khidmat masyarakat melalui kempen derma darah, kempen keselamatan jalan raya, lawatan ke rumah orang tua, lawatan ke rumah anak yatim, gotong-royong dan sebagainya selaras dengan Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap.

### 3. LOGO RASMI PPRM



- Mahkota bersama-sama dengan lambang Pengakap melambangkan Persaudaraan Pengakap Raja
- Terdapat tiga kelopak pada lambang yang membawa maksud tiga Persetiaan Pengakap iaitu: Taat kepada Tuhan, Raja dan Negara, Menolong orang setiap masa, Menurut Undang-Undang Pengakap.
- Bintang pecah lima berwarna hijau menandakan Undang-Undang Pengakap yang sepuluh.
- Ikatan hijau yang mengikat kelopak melambangkan persaudaraan Pengakap.
- Bintang pecah empat belas melambangkan semua negeri-negeri dalam Malaysia.
- Bulan sabit menandakan bahawa agama rasmi negara iaitu agama Islam.
- Lingkaran tali melambangkan "Perpaduan Rakyat Malaysia dan Persaudaraan Pengakap Sedunia".
- Warna kuning pada bulan sabit dan bintang juga melambangkan warna diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.



#### 4. STATUS PPRM

- 4.1. PPRM adalah satu badan yang didaftarkan dengan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia selaras dengan tujuan penubuhan PPRM serta objektif penubuhan PPM.
- 4.2. Setiap negeri hanya mempunyai satu cawangan PPRM Negeri sahaja.

#### 5. PENDAFTARAN

- 5.1. PPRM dan cawangan PPRM bagi setiap negeri telah didaftarkan di bawah PPM.
- 5.2. Senarai PPRM dan cawangan PPRM Negeri dan nombor pendaftaran adalah seperti yang berikut:
  - a. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia – PPM/(S)PPRM/01-26112014
  - b. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Cawangan Negeri Sabah - PPM/(S)PPRM/02-26112014
  - c. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Cawangan Negeri Sarawak - PPM/(S)PPRM/03-26112014
  - d. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Selangor - PPM/(S)PPRM/04-26112014
  - e. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Perak - PPM/(S)PPRM/05-26112014
  - f. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Pulau Pinang - PPM/(S)PPRM/06-26112014
  - g. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Kedah - PPM/(S)PPRM/07-26112014
  - h. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Perlis - PPM/(S)PPRM/08-26112014
  - i. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Kelantan - PPM/(S)PPRM/09-26112014
  - j. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Terengganu - PPM/(S)PPRM/10-26112014
  - k. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Pahang - PPM/(S)PPRM/11-26112014
  - l. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Melaka - PPM/(S)PPRM/12-26112014
  - m. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Johor - PPM/(S)PPRM/13-26112014
  - n. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - PPM/(S)PPRM/14-26112014
  - o. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan - PPM/(S)PPRM/15-26112014
  - p. Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia Negeri Sembilan - PPM/(S)PPRM/16-26112014
  - q. \*Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia (Asal) – (Keahlian Terhad)

#### 6. KEAHLIAN

- 6.1. Keahlian PPRM adalah terbuka kepada semua ahli Pengakap Malaysia yang telah diiktiraf sebagai Pengakap Raja (termasuk *King's Scout* dan *Queen's Scout*)
- 6.2. Semua permohonan keahlian hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Majlis PPRM.
- 6.3. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke urusetia PPRM Negeri.
- 6.4. Apabila urusetia PPRM Negeri berpuashati bahawa permohonan pemohon tersebut adalah lengkap dan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, maka PPRM Negeri hendaklah mengesahkan permohonan tersebut.
- 6.5. Senarai Ahli-Ahli yang telah disahkan oleh PPRM Negeri hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat PPRM Negara dalam masa tiga puluh (30) hari selepas ianya diluluskan.



## 7. YURAN

- 7.1. Yuran keahlian ahli-ahli PPRM Negeri ialah sebanyak RM10.00 setahun bagi setiap orang. Sebanyak RM5.00 akan disimpan oleh PPRM Negeri, manakala sebanyak RM5.00 lagi hendaklah dihantar kepada Ibu Pejabat PPM melalui PPM Negeri.
- 7.2. Walau bagaimanapun, PPRM Negeri boleh melalui satu usul dalam mesyuarat agung PPRM Negeri meluluskan kadar yuran keahlian dan tatacara pentadbiran keahlian.

## 8. PENTADBIRAN: MAJLIS PPRM

- 8.1. Majlis PPRM hendaklah mengandungi:
  - a. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (*Penasihat*);
  - b. Pengerusi;
  - c. Timbalan Pengerusi;
  - d. Naib Pengerusi (Rangkaian Persahabatan);
  - e. Naib Pengerusi (Penajaan dan Sumbangan);
  - f. Naib Pengerusi (Khidmat Masyarakat);
  - g. Naib Pengerusi (Keahlian);
  - h. Naib Pengerusi (Pengakap Raja);
  - i. Setiausaha Kehormat;
  - j. Bendahari Kehormat;
  - k. Penolong Setiausaha Kehormat;
  - l. Penolong Bendahari Kehormat;
  - m. Ahli Majlis (Rangkaian Persahabatan);
  - n. Ahli Majlis (Penajaan dan Sumbangan);
  - o. Ahli Majlis (Khidmat Masyarakat);
  - p. Ahli Majlis (Keahlian);
  - q. Ahli Majlis (Pengakap Raja); dan
  - r. Tiga (3) orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pengerusi.
- 8.2. Jawatan-jawatan yang disebutkan dari Perkara 8.1 (b) hingga 8.1 (q) hendaklah dipilih semasa Mesyuarat Agung PPRM dua tahun sekali.
- 8.3. Seseorang ahli PPRM yang memegang jawatan Pengerusi yang dipilih seperti yang dinyatakan di Perkara 8.2 tidak boleh memegang jawatan tersebut lebih daripada tiga (3) penggal atau enam (6) tahun secara terus-menerus.
- 8.4. Majlis ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam masa tiga (3) bulan. Korum mesyuarat ialah sepuluh (10) orang.
- 8.5. Kuasa dan tanggungjawab Majlis ini adalah seperti berikut:
  - a. Membentuk dan merangka dasar serta prinsip PPRM;
  - b. Merangka dan mengawasi perjalanan hal ehwal pentadbiran, kewangan serta aktiviti PPRM berdasarkan kepada kuasa dan arahan Mesyuarat Agung PPRM dan Undang-Undang Kecil ini;
  - c. Merangka peraturan-peraturan dari semasa ke semasa mengikut keperluan;
  - d. Meluluskan Belanjawan Tahunan PPRM;
  - e. Menimbang serta menerima perletakan dan/atau pemecatan jawatan ahli Majlis PPRM ;



- f. Menubuhkan Jawatankuasa Disiplin (dan menetapkan prosedur Jawatankuasa Disiplin ini) bagi mendengar serta memutuskan kes-kes disiplin yang melibatkan ahli-ahli PPRM;
  - g. Mengawal, mengelola serta memutuskan sebarang perkara yang berkaitan dengan ahli dan/atau keahlian;
  - h. Menyelesai dan memutuskan sebarang pertikaian yang berlaku dalam mana-mana PPRM Negeri;
  - i. Melantik mana-mana ahli PPRM ke jawatan bukan eksekutif PPRM seperti Presiden, Timbalan-Timbalan Presiden, dan Naib-Naib Presiden;
  - j. Menubuhkan apa-apa badan dan jawatankuasa kecil serta melantik ahli-ahli untuk menganggotai apa-apa badan dan jawatankuasa kecil yang ditubuh (dan menetapkan tatacara badan atau jawatankuasa kecil) sebagaimana yang difikirkan patut untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya;
  - k. Mengiktiraf penubuhan sesebuah PPRM Negeri; dan
  - l. Menjalankan apa jua aktiviti, program, dan sebagainya yang selari dengan matlamat penubuhan PPRM dan PPM
- 8.6. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berkenaan, semua anggota Majlis PPRM sesi semasa hilang kelayakan untuk menjadi anggota Majlis PPRM bagi sesi seterusnya jika Majlis PPRM bagi sesi semasa gagal mengadakan Mesyuarat Agung PPRM di bawah Perkara 11.1.

## 9. PENTADBIRAN: MAJLIS PPRM NEGERI

- 9.1. Majlis PPRM Negeri hendaklah mengandungi:
- a. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (*Penasihat*);
  - b. Pengerusi;
  - c. Timbalan Pengerusi;
  - d. Naib Pengerusi (Rangkaian Persahabatan);
  - e. Naib Pengerusi (Penajaan dan Sumbangan);
  - f. Naib Pengerusi (Khidmat Masyarakat);
  - g. Naib Pengerusi (Keahlian);
  - h. Naib Pengerusi (Pengakap Raja);
  - i. Setiausaha;
  - j. Bendahari;
  - k. Penolong Setiausaha;
  - l. Penolong Bendahari;
  - m. Ahli Majlis (Rangkaian Persahabatan);
  - n. Ahli Majlis (Penajaan dan Sumbangan);
  - o. Ahli Majlis (Khidmat Masyarakat);
  - p. Ahli Majlis (Keahlian);
  - q. Ahli Majlis (Pengakap Raja); dan
  - r. Tiga (3) orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pengerusi.
- 9.2. Jawatan-jawatan yang disebutkan dari Perkara 9.1 (b) hingga Perkara 9.1 (q) hendaklah dipilih semasa Mesyuarat Agung PPRM Negeri dua tahun sekali.
- 9.3. Seseorang ahli PPRM yang memegang jawatan Pengerusi yang dipilih seperti yang dinyatakan di Perkara 9.2 tidak boleh memegang jawatan tersebut lebih daripada tiga (3) penggal atau enam (6) tahun secara terus-menerus.



- 9.4. Majlis ini hendaklah bermesyuarat sekurang-sekurangnya sekali di dalam masa tiga (3) bulan dan menghantar laporan kepada Ibu Pejabat PPRM Negara dalam masa seminggu dari tarikh mesyuarat diadakan. Korum mesyuarat ialah sepuluh (10) orang.
- 9.5. Kuasa dan tanggungjawab Majlis ini adalah seperti berikut:
- a. Merangka dan mengawasi perjalanan hal ehwal pentadbiran, kewangan serta aktiviti PPRM Negeri berdasarkan kepada kuasa dan arahan Mesyuarat Agung PPRM dan Majlis PPRM;
  - b. Meluluskan Belanjawan Tahunan PPRM Negeri;
  - c. Menimbang serta menerima perletakan dan/atau pemecatan jawatan ahli Majlis PPRM Negeri;
  - d. Melantik mana-mana ahli Pengakap Raja ke jawatan bukan eksekutif PPRM Negeri seperti Presiden, Timbalan-Timbalan Presiden, dan Naib-Naib Presiden;
  - e. Menubuhkan apa-apa badan dan jawatankuasa kecil serta melantik ahli-ahli untuk menganggotai apa-apa badan dan jawatankuasa kecil yang ditubuh (dan menetapkan tatacara badan atau jawatankuasa kecil) sebagaimana yang difikirkan patut untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya;
  - f. Memilih tiga (3) orang perwakilan ke Mesyuarat Agung PPRM; dan
  - g. Menjalankan apa jua aktiviti, program, dan sebagainya yang selari dengan matlamat penubuhan PPRM dan PPM.
- 9.6. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berkenaan, semua anggota Majlis PPRM Negeri berkenaan hilang kelayakan untuk menjadi anggota Majlis PPRM Negeri berkenaan bagi sesi yang seterusnya jika Majlis PPRM Negeri berkenaan bagi sesi semasa gagal mengadakan Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan di bawah Perkara 12.1.

## 10. PAKAIAN SERAGAM DAN LENCANA PPRM

- 10.1. PPRM hendaklah mematuhi peraturan khusus mengenai tatacara pakaian seragam selaras dengan peraturan dan prosedur semasa PPM bagi ahli-ahli Majlis PPRM, Majlis PPRM Negeri dan semua ahli PPRM.
- 10.2. Lencana rasmi PPRM adalah seperti di **Lampiran 1**.

## 11. MESYUARAT AGUNG PPRM

- 11.1. Mesyuarat Agung PPRM hendaklah diadakan sekali dalam tiap-tiap dua (2) tahun sebelum 30 haribulan Jun pada tahun berkenaan.
- 11.2. Mesyuarat Agung PPRM adalah merupakan badan tertinggi PPRM yang berkuasa menentukan arah, wawasan dan dasar PPRM.
- 11.3. Mesyuarat Agung PPRM hendaklah membincangkan agenda:
- a. Pembentangan minit Mesyuarat Agung yang lepas;
  - b. Pembentangan Laporan Aktiviti bagi tahun yang sebelumnya;
  - c. Pembentangan Penyata Akaun bagi tahun sebelumnya yang telah diaudit oleh Pemeriksa Akaun;
  - d. Pemilihan Ahli-Ahli Majlis PPRM seperti yang dijelaskan oleh Peraturan 8.1.
  - e. Memilih dua (2) orang pemeriksa akaun (*internal auditor*);



- f. Membahaskan usul-usul; dan
  - g. Lain-lain agenda sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis PPRM.
- 11.4. Korum mesyuarat ialah satu pertiga (1/3) daripada jumlah perwakilan yang berkenaan yang layak dan sepatutnya menghadiri mesyuarat ini.
- 11.5. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada 30 hari yang ditetapkan oleh Majlis PPRM; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda Undang-Undang Kecil PPRM.
- 11.6. Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada ahli Majlis PPRM dan tiap-tiap perwakilan PPRM Negeri melalui PPRM Negeri berkenaan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung PPRM diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira PPRM bagi tahun-tahun yang telah diaudit.
- 11.7. Mesyuarat Agung Khas PPRM boleh diadakan:
- a. bila difikirkan mustahak oleh Majlis PPRM; atau
  - b. atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima 1/5 dari jumlah perwakilan yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat.
- 11.8. Mesyuarat Agung Khas PPRM yang diminta oleh perwakilan-perwakilan hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 11.9. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas PPRM itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Kehormat kepada semua ahli Majlis PPRM dan semua perwakilan melalui PPRM berkenaan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 11.10. Perkara 11.4 dan 11.5 di dalam Undang-Undang Kecil ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung PPRM boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas PPRM, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas PPRM atas permintaan perwakilan-perwakilan itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas PPRM atas permintaan perwakilan-perwakilan dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 11.11. Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli Majlis PPRM dan tiap-tiap perwakilan melalui PPRM Negeri berkenaan satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung PPRM dan Mesyuarat Agung Khas PPRM dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.
- 11.12. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau melalui Jawatankuasa *Ad-Hoc* Khas Mesyuarat Agung PPRM yang dilantiknya hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung PPRM sekiranya Majlis PPRM bagi sesi yang berkenaan gagal mengadakan Mesyuarat Agung PPRM seperti yang ditetapkan dalam Perkara 11.1.
- 11.13. Jawatankuasa *Ad Hoc* yang dilantik di bawah Perkara 11.12 hendaklah mempunyai segala kuasa Majlis PPRM bagi maksud mengadakan Mesyuarat Agung PPRM dan dalam tempoh Jawatankuasa *Ad Hoc* ini menjalankan tugasnya, Majlis PPRM bagi sesi yang berkenaan hendaklah dianggap telah hilang segala kuasa dan keistimewaannya, dan satu surat makluman yang ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap



Negara berkenaan dengan perkara ini hendaklah diutuskan kepada Pengerusi Majlis PPRM bagi sesi yang berkenaan.

- 11.14. Setiausaha bagi Jawatankuasa *Ad Hoc* yang dilantik di bawah Perkara 11.12 hendaklah menjalankan tugas Setiausaha Kehormat Majlis PPRM dalam tempoh perancangan Mesyuarat Agung PPRM dan sehingga Mesyuarat Agung PPRM selesai diadakan.
- 11.15. Jawatankuasa *Ad Hoc* yang dilantik di bawah Perkara 11.12 akan terbubar selepas selesai mengadakan Mesyuarat Agung PPRM dan satu Majlis PPRM yang baru dipilih dalam Mesyuarat Agung PPRM berkenaan.

## 12. MESYUARAT AGUNG PPRM NEGERI

- 12.1. Mesyuarat Agung PPRM Negeri hendaklah diadakan sekali dalam setiap dua (2) tahun sebelum 31 Mei pada tahun berkenaan.
- 12.2. Mesyuarat Agung PPRM Negeri hendaklah membincangkan agenda:
  - a. Pembentangan minit Mesyuarat Agung yang lepas;
  - b. Pembentangan Laporan Aktiviti bagi tahun yang sebelumnya;
  - c. Pembentangan Penyata Akaun bagi tahun yang sebelumnya yang telah diaudit oleh Pemeriksa Akaun;
  - d. Pemilihan Ahli-Ahli Majlis PPRM Negeri (seperti yang dijelaskan oleh Peraturan 9.1);
  - e. Memilih tiga (3) orang perwakilan ke Mesyuarat Agung PPRM;
  - f. Memilih dua (2) orang Pemeriksa Akaun (*internal auditor*);
  - g. Membahaskan usul-usul; dan
  - h. Lain-lain agenda sepertimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa PPRM Negeri.
- 12.3. Semua ahli yang berdaftar dengan PPRM Negeri yang berkenaan yang telah menjelaskan yuran tahunan masing-masing layak menghadiri mesyuarat ini dan mengambil bahagian di dalam setiap agenda.
- 12.4. Korum mesyuarat ialah satu per tiga (1/3) daripada jumlah ahli PPRM Negeri yang berkenaan yang layak dan sepatutnya menghadiri mesyuarat ini.
- 12.5. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada 30 hari yang ditetapkan oleh Majlis PPRM Negeri yang berkenaan; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda perlembagaan PPRM Negeri berkenaan.
- 12.6. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli PPRM Negeri berkenaan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira PPRM Negeri berkenaan bagi tahun-tahun yang telah diaudit.
- 12.7. Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan boleh diadakan:
  - a. bila difikirkan mustahak oleh Majlis PPRM Negeri berkenaan; atau
  - b. atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima 1/5 dari jumlah ahli PPRM Negeri berkenaan yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha.
- 12.8. Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan yang diminta oleh ahli-ahli PPRM Negeri berkenaan hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.



- 12.9. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 12.10. Perkara 12.4 dan 12.5 di dalam Undang-Undang Kecil ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan atas permintaan ahli-ahli PPRM Negeri berkenaan dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 12.11. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli PPRM Negeri berkenaan satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan dan Mesyuarat Agung Khas PPRM Negeri berkenaan dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.
- 12.12. Majlis PPRM hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung PPRM Negeri yang berkenaan sekiranya Majlis PPRM Negeri berkenaan bagi sesi yang berkenaan gagal mengadakan Mesyuarat Agung PPRM seperti yang ditetapkan dalam Perkara 12.1.
- 12.13. Majlis PPRM hendaklah mempunyai segala kuasa Majlis PPRM Negeri berkenaan bagi maksud mengadakan Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan dan dalam tempoh Majlis PPRM menjalankan tugasnya, Majlis PPRM Negeri berkenaan bagi sesi yang berkenaan hendaklah dianggap telah hilang segala kuasa dan keistimewaannya, dan satu surat makluman yang ditandatangani oleh Pengerusi Majlis PPRM berkenaan dengan perkara ini hendaklah diutuskan kepada Pengerusi Majlis PPRM Negeri berkenaan bagi sesi yang berkenaan.
- 12.14. Setiausaha Kehormat Majlis PPRM hendaklah menjalankan tugas Setiausaha Majlis PPRM Negeri berkenaan dalam tempoh perancangan Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan dan sehingga Mesyuarat Agung PPRM Negeri berkenaan selesai diadakan.

### 13. SUMBER KEWANGAN

- 13.1. Sumber kewangan PPRM adalah daripada:
  - a. Yuran, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seperti dalam Perkara 7 Undang-Undang Kecil ini.
  - b. Sumbangan  
PPRM dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam apa-apa bentuk dan sumbangan yang diterima hendaklah diisytiharkan di dalam Penyata Dwitahunan PPRM.
  - c. Kutipan Derma  
PPRM boleh membuat kutipan derma dari orang ramai dengan syarat pengesahan daripada Ibu Pejabat PPM dan kebenaran daripada pihak berkuasa berkenaan diperolehi terlebih dahulu.

### 14. KEWANGAN

- 14.1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam Undang-Undang Kecil ini wang PPRM boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan penubuhan PPRM, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai, dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-



kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

- 14.2. Bendahari Kehormat dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dalam tempoh 7 hari dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Majlis PPRM. Akaun bank itu hendaklah di atas nama PPRM.
- 14.3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun PPRM hendaklah ditandatangani bersama oleh Bendahari Kehormat dan Pengerusi, atau Bendahari Kehormat dan Setiausaha Kehormat.
- 14.4. Perbelanjaan RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat.
- 14.5. Perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis PPRM.
- 14.6. Penyata kewangan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Kehormat dan diperiksa oleh Pemeriksa Akaun yang dilantik di bawah Perkara 11.3e Undang-Undang Kecil ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan dan kunci kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung PPRM yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan PPRM.
- 14.7. Tahun kewangan PPRM bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

#### 15. PENGHARGAAN DARIPADA PPRM

- 15.1. Majlis PPRM boleh memberikan penghargaan di kalangan ahli-ahli PPRM untuk penghargaan PPRM serta menentukan peraturan khusus mengenai tatacara penghargaan dengan kebenaran Ketua Pengakap Negara.

#### 16. PERWAKILAN DI DALAM MESYUARAT MAJLIS PENGAKAP NEGARA DAN NEGERI

- 16.1. Menurut Perkara 12B Dasar, Pertubuhan, Peraturan (POR) PPM, Pengerusi PPRM secara automatik menjadi ahli rasmi Majlis Pengakap Negara.
- 16.2. Selaras dengan Perkara 16.1, Pengerusi PPRM Negeri pula hendaklah secara automatik menjadi ahli rasmi Majlis Pengakap Negeri yang berkenaan.

#### 17. PERWAKILAN DI DALAM MESYUARAT AGUNG PPRM

- 17.1. Tiga perwakilan rasmi yang layak mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung PPRM dari setiap PPRM Negeri yang dipilih mengikut Perkara 12.2e.
- 17.2. Tertakluk kepada Perkara 8.6, seseorang ahli PPRM yang telah memegang apa-apa jawatan dalam Majlis PPRM pada sesi yang berkenaan hendaklah secara automatik menjadi perwakilan rasmi yang layak mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung PPRM bagi sesi yang seterusnya.
- 17.3. Ahli-ahli jawatankuasa sementara PPRM yang dilantik oleh PPM untuk menjalankan tugas utama iaitu mengadakan Mesyuarat Agung PPRM hendaklah secara automatik menjadi perwakilan rasmi yang layak mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung PPRM.



## 18. PINDAAN-PINDAAN KEPADA PERATURAN INI

- 18.1. Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini, peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh dipinda melalui usul-usul yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung PPRM.
- 18.2. Sesuatu usul bagi membuat apa-apa pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini tidaklah boleh diluluskan di dalam Mesyuarat Agung PPRM melainkan usul itu telah disokong dan dipersetujui dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada jumlah perwakilan yang layak hadir dan mengundi dalam Mesyuarat Agung PPRM.
- 18.3. Apa-apa pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Eksekutif Pengakap Negara untuk kelulusan. Pindaan ini tidak boleh dikuatkuasakan selagi tidak mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis Eksekutif Pengakap Negara.

## 19. KUASA MEMBUAT TAFSIRAN

- 19.1. Jika berbangkit sebarang perselisihan atau salah faham berkenaan dengan tafsiran sebarang perkataan, rangkaian, ayat dan/atau konteks yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil ini, maka perselisihan atau salah faham tersebut hendaklah dirujuk kepada Majlis PPRM untuk membuat tafsiran dan tafsiran yang diberikan oleh Majlis PPRM tersebut adalah muktamad.
- 19.2. Selaras dengan Perkara 19.1, teks dalam bahasa kebangsaan adalah sah melainkan kalau Majlis PPRM menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana peraturan atau jenis peraturan yang tertentu.
- 19.3. Jika terdapat sebarang kekurangan (*silence*) di dalam Undang-Undang Kecil ini, maka Majlis PPRM berkuasa mengatasi kekurangan tersebut dengan cara membuat penambahan yang munasabah tertakluk bahawa penambahan tersebut (peraturan tambahan) hendaklah selari dan tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah sedia ada di dalam Undang-Undang Kecil ini.




DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH  
SETIAUSAHA  
MAJLIS PENGAKAP NEGARA



LENCANA RASMI PERSAUDARAAN PENGAKAP RAJA MALAYSIA



  
JATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH  
SETIAUSAHA  
MAJLIS PENGAKAP NEGARA